



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

16 JUN 2021
5 ZULKAEDAH 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Rezeki ikan laga di waktu PKP
Berita Harian	
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Hope Reef pulih terumbu karang
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Projek jambatan di Sungai Chengkeh jejas nelayan
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Tekong kru bot ditahan guna pukut tunda• Dekorasi pasu kaca ikan laga
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	

Tekong, kru bot ditahan guna pukat tunda

LANGKAWI - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Kedah dan Perlis menahan sebuah bot nelayan tempatan Kelas C selepas didapati melakukan pelbagai kesalahan pada kedudukan 2.1 batu nautika tenggara Pulau Tuba, Langkawi pada Isnin.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Mohd Zawawi Abdullah berkata, bot tersebut ditahan kira-kira jam 11.15 malam hasil risikan dan rondaan bot ronda melalui Op Benteng dan Op Aman.

Katanya, ketika itu bot berkenaan sedang melakukan aktiviti menangkap ikan di luar kawasan yang dibenarkan dengan menggunakan pukot tunda.

"Pemeriksaan anggota penguat kuasa mendapati, bot bernombor pendaftaran KHF 2652 dikendalikan lima kru termasuk tekong berumur antara 19 hingga 54 tahun.

"Tekong bersama tiga kru merupakan warga Thailand, manakala seorang lagi kru adalah warga tempatan," katanya menerusi kenyataan di sini pada Selasa.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati, tekong dan kru warga asing tersebut mempunyai dokumen pengenalan diri yang meragukan.

"Selain itu, kru warga tempatan berkenaan juga gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Mohd Zawawi berkata, pemilik bot juga disyaki melanggar syarat sah lesen serta melakukan kesalahan menggaji kru warga asing tanpa permit.

"Bot berserta lima kru itu kemudian ditahan dan diiring ke Jeti Maritim Bukit Malut, Langkawi untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963," katanya.



Lima kru bot termasuk seorang warga tempatan ditahan pada Isnin dan disiasat di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963.



Bot nelayan tempatan ditahan pada Isnin kerana melakukan aktiviti menangkap ikan di luar kawasan yang dibenarkan dengan menggunakan pukot tunda.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Projek jambatan di Sungai Chengkeh jejas nelayan



KERJA-KERJA pembinaan jambatan di Sungai Chengkeh, Serkat yang didakwa oleh nelayan tempatan telah menjejaskan mata pencarian mereka di Pontian semalam.

PONTIAN – Kira-kira 60 nelayan dari tiga pengkalan di Sungai Chengkeh, Serkat di sini, resah dengan kerja-kerja pembinaan sebuah jambatan di kawasan tersebut yang didakwa menjejaskan hasil tangkapan harian mereka.

Mereka mendakwa tidak dimaklumkan mengenai pembinaan jambatan itu yang akan menyebabkan laluan keluar mereka ke laut semakin cetek selain air menjadi kotor dan tercemar.

Ketiga-tiga pengkalan nelayan tersebut ialah Pengkalan Nelayan Tanjung, Pengkalan Pak Andak dan Pengkalan Nelayan

Surau yang menggunakan Sungai Chengkeh sebagai taluan utama untuk keluar pada setiap hari.

Seorang nelayan, Mohd. Said Samin, 70, yang melakukan kegiatan menjala udang berkata, dia semakin risau apabila hasil tangkapan semakin kurang sebab masalah air yang kotor dan berkelodak di kawasan tersebut.

"Jika sebelum ini kami mampu memperoleh pendapatan RM100 hingga RM200 sehari tetapi merundum kepada RM30 hingga RM40 sehari disebabkan beriakunya pencemaran air kerana kerja-kerja penambakan dan sebagainya," jelasny.

Seorang lagi nelayan, Pa Tukijan, 68, yang melakukan kerja-kerja menjaring udang ju mengalami nasib sama dan banya tidak berbaloi keluar selian ke laut tetapi tiada hasil.

Dia yang 30 tahun menjadi nelayan berkata, kawasan Sungai Chengkeh sebelum ini juga ke dengan ikan sembilang dan ik siakap tetapi selepas pelba projek dijalankan, lanya menj 'sepi' dengan hasil laut itu.

Ujarnya, nelayan-nelay tidak halang pembangunan te pi semua projek wajar mengar kira punca pendapatan golong seperti nya agar tidak terjejas.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Rezeki ikan laga di waktu PKP

MELAKA: Di mana ada kemahuan di situ ada jalan, peribahasa itu menjadi pegangan hidup seorang pekerja kilang kopi, Muhammad Rasdan Azman, 23, dekat sini.

Daripada sekadar hobi membela ikan laga atau *beta fish*, kini ia menjadi sumber pendapatan tambahannya ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, permintaan ikan laga dalam kalangan penggemar tegar ikan hiasan begitu tinggi, sehingga dia nekad untuk menernak spesies berkenaan.

“Saya terfikir kalau sekadar membela tidak memadai. Melalui YouTube, saya melihat bagaimana untuk kacuk ikan jenis ini yang amat mudah tetapi perlu kesabaran.

“Alhamdulillah dalam masa beberapa bulan mengusahakannya, saya berjaya kacuk pelbagai spesies ikan laga.

“Daripada 10 ekor yang saya beli, kini saya berjaya memper-



MUHAMMAD RASDAN Azman menunjukkan ikan laga yang dibela di rumah bapanya di Taman Nirwana, Klebang, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP

nyai sebanyak 300 ekor ikan laga pelbagai spesis warna-warni yang digemari peminat ikan ini,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Nirwana, Klebang di sini.

Tambah Muhammad Rasdan, dia juga telah berjaya mengacukkan ikan laga jenis *bluerim*, *candy*, *candy galaxy* dan *fency* yang harganya antara RM5 hingga RM150 seekor.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

Dekorasi pasu kaca ikan laga

Dijadikan sebagai akuarium istimewa di ruangan rumah yang terhad

Oleh SYAIRAH ABDUL LAJIS

JOHOR BAHRU

Kreativiti seorang lelaki yang menggunakan pasu perhiasan dan laci menyimpan barangan kanak-kanak sebagai akuarium untuk menempatkan ikan laga peliharaannya di sebuah rumah di flat Taman Bukit Indah 2 menarik perhatian orang ramai.

Muhammad Azhar Nordin, 30, berkata, sebanyak 200 ekor ikan laga pelbagai corak dan warna disimpan dalam pasu kaca dan plastik yang diletakkan di ruang tamu rumahnya.

Katanya, minat memelihara ikan laga bermula pada Februari lalu dan kebetulan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pada mulanya saya hanya membeli dua ekor ikan laga, kemudian bertambah menjadi tiga ekor hingga kini saya ada kira-kira 200 ekor ikan laga.

"Kita memikirkan keadaan ruang rumah agak terhad

sedangkan ikan semakin bertambah, saya menggunakan pasu dan laci (barangan) kanak-kanak untuk menyimpan ikan-ikan laga ini.

"Saya suka item yang simple, mesra, bersaiz kecil dan cantik. Sekiranya saya sudah 'bersara' daripada hobi ini untuk jangka masa panjang, barang-barang tersebut boleh digunakan semula sebagai pasu bunga atau untuk menyimpan barang lain," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujarnya, anak ikan laga diletakkan di dalam laci berkenaan manakala ikan laga yang sudah matang atau berusia kira-kira empat bulan ke atas dimasukkan ke dalam pasu kaca.

Dekorasi

Pegawai penguat kuasa di sebuah badan berkanun itu mengakui cara penyimpanan dan keunikan dekorasi di rumah itu telah mencuri perhatian warganet hingga tular di laman sosial.

"Sebelum ini, saya ada muat naik gambar dalam grup Kelab Deco Rumah di Facebook. Tak sangka ramai yang teruja dan tertarik melihat keunikan tempat penyimpanan ikan-ikan laga ini.

"Ada juga wanita yang 'tag' kepada suami mereka sebagai rujukan. Tidak kurang juga ada yang memberi komen positif dan negatif namun niat saya hanya untuk berkongsi idea dekorasi rumah dan penyimpanan ikan laga yang kebiasaannya menggunakan akuarium semata-mata," katanya lagi.

Tambah lelaki itu, oleh sebab rumahnya mempunyai



FURKANUSWAZHAR

Muhammad Azhar memelihara ikan laga sejak Februari lalu.

Antara ikan laga milik Muhammad Azhar.



ruang yang agak terhad, dia memilih warna hitam dan putih untuk hiasan dinding dan pasu kaca yang disusun rapi di ruang tamu untuk ilusi lebih luas.

Bercerita mengenai penjagaan ikan laga, Muhammad Azhar memberitahu, ikan tersebut sangat mudah dipelihara berbanding ikan perhiasan yang lain.

"Saya hanya beri tumpuan kepada penjagaan air dan memilih air rendaman daun ketapang yang tidak asing bagi ikan hiasan. Daun ketapang mengandungi

asid humin dan tannin yang boleh mengurangkan nilai PH atau asid dalam air.

"Namun daun yang dipilih mestilah yang sudah kering kerana hanya yang kering boleh memberi air rendaman optimum untuk ikan laga serta mempercepatkan perubahan warna pada kulit ikan," katanya yang menukar air tersebut setiap dua minggu sekali.

Dalam pada itu katanya, dia pernah kehilangan 50 ekor ikan peliharaannya akibat dijangkiti penyakit dropsi.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			22	14/6/21
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

HOPE REEF PULIH TERUMBU KARANG

Program dilancarkan di pesisir pantai Sulawesi menangani kehilangan terumbu di seluruh dunia

Oleh Mukhammad Razis Ismail
razis@malaysiakini.com.my

Program pemulihan terumbu karang terbesar dunia, Hope Reef dilancarkan di pesisir pantai Sulawesi, Indonesia.

Ini antara inisiatif pengeluar makanan haiwan Mars, Incorporated menerusi jenamanya SHEBA.

Terumbu berkecauan dibina dengan membina rakan perikanan 'HOPE' (platform terumbu Salisi) Besar berdekatan Pulau Bontosa.

Sistem terumbu karang adalah rutan hujan tropika lautan dan menjadi rumah kepada satu perempat daripada hidupan laut.

Namun, ia kini semakin terancam disebabkan eksploitasi berlebihan, amalan perikanan yang salah, pencemaran dan perubahan iklim.

Sainsis menanggarkan jika dunia tidak mengambil tindakan segera, 90 peratus terumbu karang tropika dunia akan lenyap menjelang 2043.

Keadaan ini boleh menjejaskan hampir 500 juta orang yang bergantung kepada khazanah lautan ini untuk

makanan, pendapatan dan perlindungan pantai.

Dalam menanggapi kehilangan terumbu di seluruh dunia, Hope Reef diwujudkan untuk memulakan usaha pemulihan secara besar-besaran.

Menerusi bantuan kerajaan, universiti, perniagaan dan perubatan bukan kerajaan (NGO), Mars, Incorporated memulakan program pemulihan baru karang Hope Reef pada 2019.

Program ini menggunakan struktur terumbu buatan tangan yang berbentuk bintang dikenali sebagai Mars Assisted Reef Restoration System (MARRS).

Bahan-bahan terumbu bintang ini diperolehi daripada sumber tempatan dan dibuat sendiri penduduk Bontosa.

Menjelang akhir 2029, SHEBA dan syarikat induknya berhasrat untuk memulihkan lebih daripada 185,000 meter persegi terumbu karang di seluruh dunia.

Pengarah Negara, Mars Pet Nutrition Malaysia, Wee Li Ying berharap menerusi program Hope Reef ini, dapat memberi kesedaran kepada ramaibahak kepentingan meniaga terumbu karang untuk ekosistem di laut.

"Kami gembira untuk melaporkan bahawa sejak projek Hope Reef dilaksanakan, liputan batu karang di sekitar pulau Bontosa meningkat daripada lima peratus kepada 55 peratus.

"Jumlah ikan juga bertambah sebanyak 100 peratus. Malah hidupan lain seperti ikan jerung dan penyu sudah kembali ke sini," katanya.

"Hope Reef adalah simbol harapan untuk masa



KOMUNITI pulau turut membantu Program Hope Reef

KEINDAHAN terumbu karang di Pulau Bontosa.



depan bagi laman kita dan perambilaan kepada gerakan bagi memulihkan ekosistem yang sangat penting ini," katanya.

Menurutnya, pemilik haiwan peliharaan digalakkan menonton dan berkongsi The Film That Grows Coral di YouTube.

"Setiap tonjolan membantu mengumpul dana untuk pemulihan terumbu melalui rakan kempen kami, The Nature Conservancy," katanya.

Beliau berkata, sempena Hari Lautan Sedunia, SHEBA turut melancarkan aplikasi IOS pertamanya yang memberikan pengalaman tiga dimensi (3D).

"Menerusi aplikasi ini, terumbu karang boleh diakses sesela sahaja, dari mana-mana lokasi, dengan hanya malar turun aplikasi ini.

"Anda juga boleh memulihkan terumbu; anda sendiri dengan mernasing 'Reef Star' maya dan melihat bagaimana ruang itu berrukar daripada keadaan sandus kepada persekitaran laut," katanya.



PERKATAAN 'HOPE' di atas platform terumbu Salisi 'Besar